

23/07/2002

Bekas Ketua Pengarah JKM meninggal dunia

KUALA LUMPUR, Isnin - Bekas Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat, Datuk Adnan Abdullah, meninggal dunia akibat sakit jantung di rumahnya di Bukit Damansara di sini, semalam.

Allahyarham yang berusia 76 tahun adalah rakan sekuliah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika menuntut di Kolej Perubatan King Edward di Singapura.

Allahyarham yang menghembuskan nafas terakhir ketika tidur pada kira-kira jam 10.30 malam, meninggalkan seorang isteri, Datin Siti Rohani Ismail dan empat anak lelaki, Azizul Azmi, 33; Akbar Kamal, 38; Amer Ezani, 41, dan Azlan, 43.

Siti Rohani yang juga bekas guru di Sekolah Menengah Perempuan St Mary di sini, berkata selain sakit jantung, Allahyarham juga menghidap penyakit buah pinggang.

Allahyarham menamatkan perkhidmatan dalam kerajaan apabila bersara pada 1981.

Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, menziarahi jenazah Allahyarham kira-kira jam 12.15 tengah hari ini.

Turut memberi penghormatan terakhir ialah Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times (M) Bhd (NSTP), Tan Sri Abdullah Ahmad, serta kira-kira 200 kenalan dan saudara mara.

Jenazah Allahyarham selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Kinrara, Petaling Jaya, selepas solat Zuhur.